

PENGURUSAN RISIKO BENCANA ALAM BERTERASKAN MAQASID SYARIAH: SATU SOROTAN LITERATUR

Muhammad Hilmi Mat Johar

Fakulti Keilmuan Islam,
Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia

Khairul Azhar Meerangani

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Melaka, Malaysia

Farhat Nazirul Mubin Bohari

Centre For Islamic Development Management Studies,
Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia

Aizul Mohd Ismon

Fakulti Keilmuan Islam,
Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia

Corresponding Author's Email: hilmi@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Fenomena bencana alam merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang melanda seluruh pelusuk bumi sama ada di kawasan yang mendatar, landai mahupun di cerun. Bencana alam yang berlaku boleh meragut ribuan nyawa manusia, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda dan kerosakan alam sekitar. Dalam hal ini, Islam telah menyediakan pelbagai panduan berhubung tatacara pengurusan alam sekitar yang komprehensif dan lestari. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau kajian-kajian literatur berkaitan pengurusan risiko bencana alam berteraskan maqasid syariah. Kajian dilakukan secara kualitatif menerusi sorotan terhadap data kepustakaan klasik dan kontemporari serta laporan-laporan berkaitan bencana alam di Malaysia. Maqasid Syariah merupakan gagasan perbincangan yang memfokuskan matlamat merealisasikan al-daruriyyat al-khams dalam kehidupan manusia, sebagai makhluk yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan bumi ini. Justeru, aspek pengurusan alam sekitar dan risiko bencana merupakan antara tema penting yang perlu diwacanakan bagi menghasilkan suatu garis panduan yang bersifat holistik dan komprehensif dengan penekanan bukan sahaja terhadap unsur fizikal dan material, bahkan turut

memfokuskan aspek spiritual bagi memastikan kelestarian sumber alam selain meminimumkan risiko bencana alam terhadap manusia.

Kata Kunci: Pengurusan Risiko, Bencana Alam, Maqasid Syariah, Kelestarian

NATURAL DISASTER RISK MANAGEMENT BASED ON MAQASID SYARIAH: A LITERATURE REVIEW

ABSTRACT

Natural disasters are events or occurrences that occur in all parts of the world, whether on a flat, sloping, or steep terrain. Natural disasters can kill thousands of people, demolish houses, cause property loss, and harm the environment. In this regard, Islam has provided various guidelines on comprehensive and sustainable environmental management procedures. Thus, this study aims to examine the literature reviews related to natural disaster risk management based on shariah objectives. Using qualitative ethod, the study was conducted through the highlights of classical and contemporary library data as well as reports related to natural disasters in Malaysia. Maqasid Syariah is an idea of debate that focuses on the goal of realizing al-daruriyyat al-khams in human life, as a being that responsible for governing and managing the earth. Thus, aspects of environmental management and disaster risk are among the important themes that need to be discussed to produce a holistic and comprehensive guideline with the emphasisation not only physical and material elements, but also focusing on spiritual aspects to ensure the sustainability of natural resources as well as minimizing natural disaster risk against mankind.

Keywords: Risk Management, Natural Disaster, Maqasid Syariah, Sustainable

PENGENALAN

Fenomena bencana alam merupakan suatu peristiwa atau kejadian yang melanda seluruh pelusuk bumi sama ada di kawasan yang mendatar, landai mahupun di cerun. Bencana alam yang berlaku boleh meragut ribuan nyawa manusia, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda dan kerosakan alam sekitar. Bencana dari sudut umumnya diklafisikasikan dalam dua bentuk iaitu semulajadi dan buatan manusia (Anuar & Habibah, 2017). Bencana semulajadi adalah kejadian yang disebabkan oleh faktor-faktor semulajadi seperti banjir, tanah runtuh, banjir lumpur dan lain-lain yang di luar kawalan manusia, manakala bencana akibat perbuatan manusia dikenali sebagai bencana sosioteknikal (Shauf & Ahmadun, 2006). Rantau Asia yang kita diami ini juga pernah dikejutkan dengan bencana tsunami yang berpunca dari gempa bumi dasar laut di Lautan Hindi. Akibatnya ratusan ribu nyawa hilang serta terdapat beberapa kawasan kediaman di wilayah Aceh lenyap dalam pandangan mata. Tragedi menyayat hati

ini membuktikan betapa bencana alam yang berlaku kadang kala datang tanpa di duga.

Kemunculan bencana di tengah-tengah gelombang pembangunan telah memberikan ancaman besar kepada keselamatan dan ekonomi sesebuah negara. Ini kerana bencana yang berlaku boleh membawa kerugian harta benda dan nyawa. Tambahan pula langkah-langkah pemulihan selepas bencana mengambil masa yang panjang dan melibatkan kos yang tinggi. Ini termasuklah operasi menyelamatkan mangsa, pemulihan kawasan bencana dan projek pembangunan semula. Setelah bencana menimpa masyarakat berdepan pula dengan rantaian kesan-kesan sampingan, seperti wabak penyakit berjangkit dan masalah kekurangan bekalan makanan. Di samping itu, bencana alam yang berlaku juga meninggalkan kesan psikologi yang mendalam kepada rakyat. Perasaan fobia tidak mudah luput dalam ingatan mangsa yang mengalami musibah bencana.

Pada awal sejarah kehidupan manusia, bencana alam yang berlaku dianggap sebagai salah satu proses alam semulajadi. Namun jumlah peningkatan bencana alam yang semakin tinggi pada akhir-akhir ini telah menimbulkan persoalan. Beberapa saintis di Barat mengaitkan peningkatan kejadian bencana alam sejak akhir ini dengan fenomena perubahan cuaca global. Bencana seperti ribut taufan, banjir besar dan kemarau panjang adalah terhasil dari perubahan cuaca yang tidak menentu. Peristiwa bencana yang berlaku di serata dunia seharusnya menjadi iktibar kepada kita khususnya di Malaysia. Hakikatnya tiada satu pun negara yang kebal daripada bencana alam yang menimpa. Kita amat bersyukur kerana di negara kita belum ada lagi kejadian bencana alam yang meragut ribuan nyawa manusia. Walaupun begitu terdapat kejadian bencana alam yang kerap berlaku di Malaysia misalnya banjir kilat, banjir besar dan tanah runtuh.

Dalam usaha mendepani pelbagai masalah kesan dari bencana alam, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu kawasan dan mangsa yang terjejas akibat bencana yang menimpa. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti bantuan dari sudut makanan dan wang ringgit, tenaga kerja bagi proses pemulihan infrastruktur yang terkesan dan lain-lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Justeru, dalam usaha meringankan serta mengurangkan impak atau kesan yang menimpa, pelbagai rangka idea dan cadangan telah diusulkan bagi mendepani isu ini. Konsep dan kaedah Islam terkedepan dalam menyantuni isu ini dengan mengaplikasikan penambaan model maqasid syariah sebagai satu usaha ke arah pengurusan yang lebih sistematik dan tersusun.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Sorotan terhadap kajian-kajian yang lepas merupakan salah satu elemen yang penting dalam memastikan asas dan objektif kajian yang kukuh. Elemen ini juga memainkan peranan dalam memandu penyelidikan supaya tidak tersasar daripada skop yang ditetapkan serta mampu menyelesaikan segala permasalahan yang diutarakan. Berdasarkan pengamatan dan pembacaan pengkaji berdasarkan kajian-kajian terdahulu berkaitan pengurusan risiko bencana alam ini, pengkaji

mendapati sememangnya wujud beberapa kajian yang membahaskan persoalan konsep pengurusan yang diamalkan di Malaysia sama ada dari sudut amalan dari pihak kerajaan mahupun swasta serta keberkesannya dibincangkan secara umum dan difokuskan pada aspek-aspek tertentu. Pengkaji telah membahagikan kajian tersebut kepada beberapa dasar utama iaitu :

a) Pengurusan Risiko Bencana Alam

Kekerapan berlakunya kejadian bencana seringkali berkait rapat dengan kepesatan dan kemajuan serta pertambahan kepadatan populasi sesebuah negara (Coppola, 2007). Bencana biasanya peristiwa katastrofik yang berpunca daripada bahaya yang bersifat semulajadi serta bahaya cetusan manusia yang umumnya bersifat teknologi dan sengaja ataupun antropogenik (Lim, 2004). Kebimbangan ini telah membuatkan pertubuhan dunia, United Nations mengisytiharkan perlunya mengatasi bencana dengan slogan “International Decade for National Reduction”. Bermula dengan pengistiharan tersebut, negara-negara di dunia mula mengambil langkah masing-masing untuk mengurangkan risiko yang bakal diterima kesan daripada bencana yang melanda negara mereka setelah timbulnya kesedaran mengenai bahayanya bencana.

Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN), bencana merupakan sesuatu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan dan kerosakan harta benda atau alam sekitar. Kemusnahan akibat daripada bencana sukar untuk diukur malah ia seringkali berbeza-beza mengikut lokasi geografi dan tahap kerentanannya (Ghosh, 2012). Bencana juga boleh menjejaskan aktiviti kehidupan individu atau masyarakat setempat. Selain itu, ia juga mampu memberikan impak sosial yang negatif dan mengganggu emosi mereka yang terlibat dengan bencana tersebut. Bencana alam sering menyebabkan keadaan darurat sehingga menyebabkan kerugian dari segi kewangan, kemusnahan infrastruktur malah boleh membawa kepada kehilangan nyawa (Muhammad Hilmi, 2019). Kerugian yang berpunca daripada kejadian bencana ini bergantung kepada kemampuan dan ketahanan mereka untuk mengelak, mengurangkan atau menghindari bencana.

Secara umumnya, Malaysia yang beriklim tropika, mempunyai taburan hujan yang tinggi dan kepadatan populasi yang besar tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu-isu bencana. Pelbagai kajian telah dilakukan bagi melihat sejauh manakah kesan dan impak bencana alam terhadap kelompok manusia dan geografi alam. Kejadian banjir, banjir kilat, tanah runtuh dan episod jerebu yang sangat teruk merupakan antara bahaya semulajadi yang biasa berlaku di negara ini (Mohamed Shalluf & Ahmadun, 2006). Kejadian bencana yang berlaku sememangnya sukar untuk diramal. Walau bagaimanapun, risiko dapat dikurangkan dengan langkah pencegahan awal (Muhammad Hilmi, 2019). Peristiwa bencana yang berlaku di serata dunia seharusnya menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita khususnya di Malaysia. Walaupun Malaysia masih belum menempuh bencana alam yang meragut ribuan nyawa manusia, langkah berjaga-jaga harus diambil dan Malaysia harus bersedia untuk menempuh kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku.

b) Pengurusan Risiko Bencana Alam Berteraskan Islam

Bencana alam yang berlaku di seluruh negara memerlukan pembentukan satu sistem pengurusan bagi mengurangkan risiko kadar kemusnahan yang tinggi berlaku. Kegagalan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda ketika berlakunya bencana adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor utamanya adalah ketiadaan sistem amaran awal, kegagalan sistem penyampaian maklumat, kurangnya kesedaran masyarakat dan lemahnya koordinasi antara agensi kerajaan dan orang awam dalam melakukan tindakan semasa bencana berlaku (Muhammad Hilmi, 2019). Menurut Rozita (2002), dalam kajian membincangkan permasalahan alam sekitar masa kini, penyebab utama kepada pelbagai masalah bencana alam kebanyakannya berpunca daripada aktiviti manusia.

Bencana tsunami yang melanda kawasan Lautan Hindi pada 26 Disember 2004 telah memberi pelbagai pengajaran dan pengalaman pahit kepada negara-negara yang terlibat. Dilaporkan lebih 250,000 orang telah terkorban, ribuan lagi masih hilang dan ramai yang cedera serta diselubungi kepiluan dan kesedihan. Dianggarkan lebih lima juta orang telah kehilangan tempat tinggal di Indonesia, Sri Lanka, India, Thailand, Malaysia, Filipina dan negara-negara kecil yang terletak di sekitar Lautan Hindi. Oleh itu, persiapan untuk menghadapi kemungkinan bencana alam berlaku adalah cara terbaik untuk menyediakan diri sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana (Muhammad Hilmi, 2019).

Oleh kerana peristiwa bencana alam, sepertimana yang kita dapat saksikan pada hari ini telah melibatkan ramai mangsa yang tidak bersalah seperti kanak-kanak, maka timbul pertanyaan, iaitu apakah Tuhan bersifat “Zalim” terhadap hamba-hambanya yang tidak bersalah? Dalam kes seperti ini belum ada sebarang jawapan sama ada daripada pihak saintis mahupun ahli falsafah (Mahayudin Yahaya, 2012). Hal ini menimbulkan persoalan-persoalan yang memerlukan perbincangan jawapan dari sudut kefahaman agama yang tinggi. Bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan ini kita terpaksa merujuk kepada hukum syariah iaitu dalam bab fardu kifayah, iaitu tanggungjawab sosial secara kolektif dalam Islam (Muhammad Hilmi, 2019).

Di antara contohnya ialah mempertahankan negara daripada serangan musuh dan bencana alam. Jika perkara-perkara seperti ini berlaku, maka adalah menjadi tanggungjawab bagi seluruh penduduk di kawasan atau negeri yang mereka diami mempertahankannya bagi mengelakkan kemusnahan harta benda dan nyawa akibat bencana tersebut (Mahayudin Yahaya, 2012). Sebarang kealpaan atau kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian daripada penduduk di wilayah atau negeri berkenaan akan mengakibatkan kecelakaan kepada kesemua penduduknya tidak kira dewasa atau kanak-kanak, lelaki atau perempuan. Kealpaan dan kesilapan itu terjadi dalam pelbagai cara dan bentuk, termasuklah kezaliman, maksiat dan kejahatan (Abdul Basir, 2005). Pada kebiasaannya kezaliman dan maksiat mengakibatkan bencana sosial seperti pemberontakan dan wabak penyakit, sementara kejahatan boleh mengakibatkan bukan sahaja bencana sosial tetapi juga bencana alam (Abdul Basir, 2005).

c) Model Pengurusan Bencana Berteraskan Maqasid Syariah

Terdapat beberapa literatur yang mencadangkan agar prinsip Maqasid al-syariah digunakan sebagai kerangka untuk membentuk pemahaman dan kearah perubahan struktur penguasaan yang lebih baik. Sebagai contoh Umer Chapra (2000) menekankan prinsip Maqasid al-Syariah dijadikan asas kepada objektif ekonomi Islam. Dan kemudian muncul beberapa cadangan daripada ahli-ahli ekonomi Islam supaya pembangunan diukur dengan menggunakan indeks yang berpaksikan Maqasid al-Syariah. Dalam konteks negara-negara Islam, Organisasi Kerjasama Islam (OIC) berperanan untuk membantu dan menyediakan program-program pembangunan melalui sayapnya iaitu Bank Pembangunan Islam (IDB) yang berperanan membangunkan ekonomi dan sosial umat Islam. Justeru orientasi dan dasar pembangunan oleh IDB adalah berdasarkan kepada sumber dan maklumat daripada hasil kajian dan penyelidikan berkaitan ekonomi oleh agensi-agensi yang berautoriti seperti World Bank dan UNDP. Hal ini menunjukkan konsep atau prinsip maqasid syariah terpakai dalam segenap aspek bagi meletakkan satu garis panduan berdasarkan nilai-nilai agama.

Pengurusan risiko bencana alam ini juga sebenarnya telah merealisasikan prinsip maqasid syariah menerusi elemen penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan penjagaan harta (*hifz al-mal*) yang merupakan antara keperluan utama bagi setiap manusia (Khairul Azhar, 2017). Maqasid syariah merupakan parameter penting dalam menilai dan menganalisis sesuatu hukum secara terperinci. Namun begitu, proses untuk memahami sesuatu hukum itu perlulah dipastikan selaras dengan kehendak syarak berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh para sarjana Muslim (Hairullfazli, 2016). Hal ini kerana tahap kepentingan manusia serta tahap kemampuan individu berbeza antara satu sama lain. Pengurangan risiko bencana dan kesannya kepada pembangunan lestari memerlukan pengetahuan asas yang kukuh serta pemahaman dalam sosial dan ekonomi. Ini termasuklah membangunkan keupayaan saintifik dan teknikal yang berkaitan, terutamanya di negara-negara yang membangun.

Maqasid al-Syariah dijadikan pemberat dalam menilai dan mengukur pembangunan yang merangkumi aspek pembangunan jasmani dan rohani. Pengenalan kepada Maqasid al-Syariah menurut al-Qaradawi (1998), keperluan di dalam kehidupan manusia boleh dibahagikan kepada kepada empat peringkat. Pertama ialah darurat iaitu keadaan di mana manusia berusaha untuk meneruskan hidup dan menjaga survival mereka daripada kematian dan kemusnahan. Kedua ialah kafaf atau kecukupan. Ia merupakan satu keadaan yang menggambarkan batas minimum kehidupan di mana ianya tidak kurang atau tidak lebih atau tidak berpeluang untuk bermewah-mewahan walaupun sedikit. Peringkat yang lebih baik darinya adalah tamam al-kifayah atau mencapai makna kesempurnaan yang mencukupi. Maknanya bukan sekadar cukup, tetapi disempurnakan lagi dengan pelbagai kemudahan hidup. Inilah peringkat yang dikehendaki Islam.

Manakala Imam al-Nawawi dalam mendefinisikan perkataan kifayah menyatakan bahawa sesuatu yang dianggap sebagai keperluan hidup adalah makanan, pakaian, rumah dan semua kelaziman yang sesuai dengan keadaan

dirinya, dengan tidak berlebih-lebihan dan tidak pula kekurangan, cukup untuk dirinya dan untuk orang yang dalam tanggungannya (al-Qaradawi, 1998). Justeru itu, ianya bertepatan dengan pengaplikasian model maqasid syariah dalam pengurusan risiko bencana alam bagi memelihara semua perkara tersebut iaitu sesuatu yang menjadi keperluan untuk survival hidup.

Terdapat pelbagai usaha telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji muslim mahupun bukan muslim berkaitan isu dan perkara mengenai syariah dan Maqasid al-Syariah. Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, mereka membuktikan keperluan dan kepentingan aspek pematuhan syariah dalam pelbagai sektor yang merangkumi aspek tuntutan agama mahupun peningkatan hasil dan ekonomi negara (Fakhri & Hammad, 2015). Dalam konteks inisiatif untuk mengukur tahap keseriusan sesebuah negara dalam mematuhi Maqasid al-Syariah secara menyeluruh, kajian-kajian awal ini bolehlah dianggap sebagai inisiatif perintis dan inovasi kaedah pengukuran pembangunan yang menggabungkan aspek kerohanian dan material yang boleh dijadikan rujukan dan pengukuhan oleh mana-mana pihak pada masa hadapan. Rehman dan Askari (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk 'How Islamic are Islamic Countries?' telah membangunkan pengukuran bertemakan Indeks Islamicity untuk mengukur tahap "Islamicity" atau sejauh mana Islamnya sesebuah negara Islam dan bukan Islam berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Indeks ini dibangunkan bagi tujuan untuk mengetahui sama ada Islam adalah faktor yang meningkatkan pembangunan manusia dan prestasi ekonominya.

Kajian seterusnya ialah mengenai Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan oleh Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim dan Siti Norliza Jumali (2012) yang membincangkan mengenai pengukuran kemiskinan di Malaysia. Kajian ini mengemukakan satu alternatif baru untuk mengukur kemiskinan bagi Daerah Baling di negeri Kedah dengan menggunakan indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau lebih dikenali dengan 'multidimensional poverty index' (MPI) yang diperkenalkan oleh Alkire dan Foster (2007). Di dalam kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti empat belas indikator dalam empat dimensi yang dikaji iaitu dimensi pendidikan, kesihatan, kesejahteraan dan kekayaan. Bagaimana pun, dimensi yang digunakan tidak mengintegrasikan komponen aspek agama dalam pembinaan indeks kemiskinan.

Kajian lain yang berkaitan ialah Pelaksanaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI): Keperluan Dalam Konteks Maqasid Syariah oleh Fadilah Mat Nor (2014). Kajian ini membincangkan tentang keperluan dan cabaran penggunaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI) dalam mengukur kemampuan ekonomi ummah di Malaysia secara amnya. Indeks ini adalah alternatif yang mengukur tiga komponen utama iaitu (i) Indeks Pembangunan ekonomi, (ii) Indeks Pembangunan Sosial, dan (iii) Indeks Pembangunan Kerohanian Umat Islam. Perbincangan juga adalah berkisarkan pengenalan terhadap MUDI itu sendiri, keperluan mengukur kemampuan ekonomi ummah berlandaskan MUDI, serta penilain subindeks yang sesuai mengikut lima dimensi yang dituntut dalam maqasid al-syariah dan alternatif kepada indeks Pembangunan Manusia (HDI). Hendry Anto (2009) di dalam *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC*

Countries menggunakan pendekatan maqasid al-syariah untuk mengukur tahap pembangunan dan kemajuan. Beliau mengatakan bahawa maqasid al-Syariah merupakan satu pendekatan untuk membawa kepada kemaslahatan umum dan keadilan sosial. Dalam kajiannya, terdapat 5 dimensi untuk dikenalpasti iaitu pembangunan (i) agama, (ii) nyawa, (iii) akal, (iv) keturunan, dan (v) harta. Beliau menggunakan tema I-HDI (Islamic-Human Development Index) yang terdiri daripada Indeks Kebajikan Material (MWI) dan Indeks Kebajikan Bukan Material (NWI) yang mewakili lima keperluan asas dalam Maqasid al- Syariah.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Syariah ialah perintah Allah yang disampaikan melalui Al-Quran dan As-Sunnah untuk semua aktiviti manusia termasuk akidah, akhlak, fiqh ibadah, undang-undang keluarga, perdagangan, komersial, pengurusan institusi mahupun jenayah. Maqasid syariah pula adalah objektif utama syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia (Mohammad Hashim, 2012). Maqasid syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008).

Melihat kepada kerangka atau model maqasid syariah yang sedia ada iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, harta dan akal, pengkaji merasakan satu keperluan untuk menambah baik model yang sedia ada dengan konsep yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Sebagai agama yang rahmatan lil alamin, Islam menekankan umatnya untuk menjaga kelestarian alam yakni meliputi pemeliharaan dan pemuliharaan alam (Wahyu & Ridan, 2019). Ungkapan rahmatan lil alamin bukanlah sekadar ayat atau motto Islam, tetapi ianya merupakan tujuan dari Islam itu sendiri. Sesuai dengan tujuan tersebut, maka sewajarnya Islam menjadi pelopor bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam dan lingkungannya sebagai manifestasi pembuktian kasih sayang kepada alam semulajadi.

Pada hemat pengkaji, penekanan dalam aspek *hifz al-bi'ah* iaitu penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kurang dititikberatkan apatah lagi berkenaan pengurusan dalam mengatasi sesuatu masalah yang berkaitan. Maka, satu kajian terperinci dirasakan perlu bagi menjelaskan secara terperinci keperluan pemahaman dan pengaplikasian model maqasid syariah yang ditambah baik dalam mendepani permasalahan yang diketengahkan. Pemahaman yang benar mengenai konsep ini bakal mempengaruhi tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan mahupun swasta khususnya dan struktur pengurusan amnya bagi yang terlibat.

Naluri manusia pada asasnya tidak bertentangan dengan kehendak Islam, dan begitu juga kehendak Islam, semuanya sesuai dengan naluri manusia (Abdul Basir, 2005). Sehubungan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, didapati bahawa kehendak Islam seiring dengan kehendak dan cita-cita manusia. Setiap perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam alam dan diri manusia perlu disesuaikan dengan hukum dan peraturan Allah yang sudah ditentukan

sejak azali (Mahayudin Yahaya, 2012). Allah menjadikan hukum dan peraturan alam ini lengkap dan sempurna serta seimbang, yakni tidak keterlaluan dan tidak pula berlaku pertembungan antara hukum dan peraturanNya. Kesemuanya tersusun rapi, seimbang dan sesuai bagi kehidupan manusia dari mula hingga ke akhirnya.

Tidak banyak kajian yang dilakukan berkaitan penggunaan konsep *hifz al-bi'ah* dalam kerangka *maqasid syariah* di Malaysia. Mungkin kerana kebanyakan isu yang berlaku dilihat lebih menyentuh kupasan berdasarkan model *maqasid syariah* yang sedia ada berbanding mengetengahkan cabang model yang baru. Namun, terdapat beberapa kajian yang dilihat turut menyentuh berkenaan penjagaan persekitaran. Antaranya kajian yang dilakukan oleh R. Wahyu & Ridan Muhtadi, 2019 membahaskan berkenaan kemestian dalam menjaga keberadaan alam sepertimana perintah Allah kepada hambaNYA menerusi ayat-ayat Al-Quran. Pengkajian mengenai penjagaan persekitaran berdasarkan pemahaman adalah bagaimana manusia mampu menjaga dan melestarikan sumber alam yang ada sebagai penyaksian bahawasanya manusia adalah sebagai pengelola alam semulajadi. Ada beberapa sebab penting menerusi ayat Al-Quran perkaitan di antara manusia sebagai *khlaifah Allah* di mana manusia diamanahkan untuk menjaga keharmonian dan kestabilan alam (Yafie, 2006).

Menurut kajian yang ditulis oleh Muniatul & Muhammad Roy, 2019, kupasan kajian mereka berlandaskan terma *fiqh al-bi'ah* yang mana segala perbuatan manusia serta panduan adalah berdasarkan sumber dari dalil-dalil Al-Quran yang terperinci. Menurut Dr. Yusuf Al-Qardhawi di dalam bukunya yang berjudul *Ri'ayatul Bi'ah fi syari'atail Islam*, beliau menjelaskan bahawa Islam sangat menitikberatkan soal penjagaan persekitaran. Hal ini dapat dibuktikan melalui perbincangan literature dalam kalangan sarjana mengenai *thaharah* (kebersihan), hukum hakam yang terkait dengan urusan jual beli, hak-hak binatang peiharaan dan perbincangan lain yang berlingkaran sekitar kehidupan manusia. Beliau juga menekankan bahawa pemeliharaan alam sekitar adalah sebuah usaha untuk mencegah kemudaratan yang lebih besar. Hal ini selaras dengan konsep *maqasid al-syariah* iaitu perbincangan berkenaan penjagaan jiwa, akal, harta, keturunan dan agama. Menurut Dr. Yusuf Al-Qardhawi lagi, memelihara alam sekitar adalah syarat untuk melindungi lima tujuan syariat seperti yang disebutkan tadi. Oleh itu, semua tingkah laku yang bertentangan seperti mengancam nyawa, akal, harta, keturunan dan agama boleh membawa kepada kemusnahan alam. Kajian lepas adalah pencarian dan penilaian kajian-kajian yang terdahulu di dalam ruang lingkup topik anda. Ia mendokumentasikan hasil atau dapatan kajian-kajian yang berkaitan dengan topik yang sedang anda tulis.

Penyediaan suatu model *maqasid syariah* yang bersesuaian dalam memandu hubungan di antara pengurusan dan model *maqasid syariah* yang terbina juga perlu dilakukan bagi mewujudkan kefahaman, kelancaran, ketelusan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat, pihak dan agensi yang terlibat yang dilihat kurang diberi kepercayaan atas sebab isu-isu yang berlaku mutakhir ini. Kajian ini diharap dapat dilakukan bagi mendalami asas atau struktur model *maqasid syariah* dalam pengaplikasian pengurusan risiko bencana alam. Selain

daripada mendalami unsur baharu dalam model maqasid syariah, faktor-faktor yang dilihat menyumbang kepada pembentukan model baharu maqasid syariah ini akan dikaji dengan lebih mendalam dari sudut masalah dan mafsadahnya. Dengan usaha memahami dengan lebih mendalam secara tidak langsung ia dapat membuka pemikiran dan idea pengkaji seterusnya kepada kajian lanjutan mengenai perkara ini dalam mendepani isu-isu atau masalah yang mendatang.

RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad. (2005). Undang-Undang dan Pengurusan Alam Sekitar Menurut Islam. *Malaysian Journal of Environmental Management*. 6:107-124
- Abdul Rahman Mahmud (2008, Jun 21). Bencana alam jejas pembangunan. *Utusan Online*. Diperoleh pada Jun 2, 2016 daripada :www.utusan.com.my
- Chapra, M. U. (2000), *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. UK: Leicester: The Islamic Foundation.
- Chaudhry, M.S. (1999). *Fundamentals of Islamic Economic System*. Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore.
- Fakhri Sungit & Hammad Mohamad Dahalan (2015). Pembangunan Dalam Islam: Analisis Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah. *World Academic and Research Congress 2015*. Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia.
- Fakhri Sungit (2014). Pembangunan Ekonomi dan Sosial Melalui Prinsip Maqasid al-Shariah: Analisis Terhadap Polisi dan Orientasi Program Pembangunan di Bank Pembangunan Islam (BPI). *Proceeding International Research Management & Innovation Conference*. Selangor International Islamic University College.
- Fakhri Sungit (2015). Economic and Human Development Programs in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank (IDB). *Unpublished doctoral thesis*, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), IIUM.
- Hendry Anto (2009). *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid al-Shariah*. KL: JAKIM
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1992). *Surutan Konsep Ilmu Mengikut Pandangan Sarjana-Sarjana Muslim Zaman Silam: Teori dan Kaedah*. *Kesturi Jurnal Sains Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Fazilah Mohd Basiron (2014). *Pengurusan Bencana Gempa Bumi Menurut Perspektif Al-Quran dan Sains Moden*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Nurfashareena Muhamad, Choun-sian Lim, Mohammad Imam Hasan Reza & Joy Jacqueline Pereira. (2013). Input Geologi untuk Sistem Sokongan Membuat Keputusan dalam Pengurusan Risiko Bencana: Kajian Kes

- Universiti Kebangsaan Malaysia. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia*. Volume 59: 73-84.
- Sham Sani. (1993) *Alam Sekitar dan Pembangunan Berterusan di Malaysia: Cabaran bagi Dekad 1990-an dalam Alam Sekitar & Pengurusannya di Malaysia*, Sham Sani, Abdul Samad Hadi dan Jamaluddin Jahi (Editor): Working Group on Urban Ecosystems Malaysian National MAB Committee and MAB UNISCO, 501-519.
- Harrington, A. (2005). *Modern Social Theory*. 1-13.